

24 OCT 1996

Tentera-Pendatang

ATM BERSEDIA MAIN PERANAN BANTU POLIS CEGAH PENDATANG

KUALA LUMPUR, 24 Okt (Bernama) -- Angkatan Tentera Malaysia (ATM) bersedia dan mampu menjalankan tugas membantu pihak polis dalam operasi bersama mencegah pendatang asing ke negara ini, kata Panglima ATM Jeneral Tan Sri Ismail Omar hari ini.

Tugas ini lebih merupakan bantuan dalam operasi keselamatan dalam negeri dan sememangnya merupakan tugas kedua bagi ATM selain tugas utama menjadi benteng pertahanan negara daripada ancaman musuh luar, katanya kepada pemberita selepas melawat Akademi Tentera Malaysia (ATMA) di Sungai Besi di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Menteri Pertahanan Datuk Syed Hamid Albar pada Ahad lepas bahawa ATM akan diberi kuasa tambahan untuk membantu polis dalam operasi bersama mencegah kemasukan pendatang asing ke negara ini.

Cadangan pemberian kuasa itu dikemukakan oleh polis dalam mesyuarat Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 17 Okt lepas.

Jen Ismail berkata, untuk melaksanakan tugas itu, pasukan ATM yang terlibat terpaksa mengikut undang-undang tertentu serta diberikan kuasa itu.

Di tanya sama ada pasukan yang bakal terlibat perlu diberikan sebarang latihan khas, beliau berkata setiap anggota ATM mempunyai latihan secukupnya bagi pelbagai tugas keselamatan.

Di tanya sama ada pegawai polis akan ditempatkan di bahagian ATM yang bakal terlibat dengan kuasa tambahan kepolisian ini, beliau berkata ianya akan ditentukan sekiranya ada keperluan.

Mengenai ATMA, beliau berkata ATM telah mengenal pasti Tanjung Pengelih di Johor sebagai satu daripada tempat yang akan ditimbangkan bagi menempatkan kompleks tetap ATMA.

Jen Ismail berkata pengambilan Kadet bagi ATMA yang berjumlah 116 pada tahun lepas serta 166 tahun ini akan ditambah kepada 200 pada tahun depan bagi mewujudkan satu kumpulan kadet yang berpendidikan tinggi serta profesional.

Dalam ucapannya kepada kadet ATMA beliau berkata walaupun ancaman perang di antara satu negara dengan yang lain sudah berkurang, tetapi peperangan dalam bentuk lain akan turut menggugat keselamatan negara.

Dalam lawatan lebih tiga jam itu beliau turut menerima taklimat dari Komandan ATMA Mejar Jeneral Datuk Abdul Ghani Yunus dan Pegawai Memerintah Bahagian Pembangunan Latihan Ketenteraan (BPLK) Profesor Dr Hashim Haji Saibon.

-- BERNAMA

RV PR